IPODINE SOLUTION 10% W/V

Povidone Iodine 10% w/v

Apa yang ada pada risalah ini:

1. **Apakah kegunaan Ipodine?**
2. **Bagaimana Ipodine berfungsi?**
3. **Sebelum menggunakan Ipodine.**
4. **Cara menggunakan Ipodine.**
5. **Semasa menggunakan Ipodine.**
6. **Kesan-kesan sampingan.**
7. **Cara penyimpanan dan pelupusan Ipodine.**
8. **Maklumat lanjut.**
9. **Pengilang**
10. **Pemegang pendaftaran product**

Apakah Kegunaan Ipodine

Ipodine digunakan secara topikal sebagai antiseptic untuk luka ringan pada kulit.

Bagaimana Ipodine berfungsi?

Ipodine mengandungi sejenis ubat yang dipanggil Povidon-Iodine yang boleh membunuh bakteria, virus, kulat, spora dan protozoa.

Sebelum menggunakan Ipodine

-Bila tidak patut menggunakan Ipodine

- Jika anda alah kepada povidon iodin atau mana-mana kandungan ubat ini.
- Jika anda sedang mengalami masalah tiroid atau pernah mengalami masalah tiroid termasuk bengkak (nodular colloid goiter, endemic goiter atau Harishimoto's thyroiditis), kerana fungsi tiroid anda akan terganggu semasa menggunakan Ipodine.

-Sebelum mula guna Ipodine

Sebelum menggunkan Ipodine, pastikan doktor atau ahli farmasi anda tahu:

- Jika anda pernah mengalami alahan kepada ubat ini atau mana-mana ubat yang lain.
- Jika anda hamil, berancang untuk hamil atau sedang menyusu.
- Jika anda sedang menggunakan ubat lain termasuk ubat traditional , herba atau ubat supplemen.
- Jika anda mempunyai luka tusukan yang dalam, luka akibat gigitan binatang atau luka akibat kebakaran yang teruk.
- Jika anda ada gangguan tiroid atau sedang menerima rawatan litium

-Bila guna Ipodine bersama ubat-ubat lain

- Anda patut beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau pernah menggunakan mana-mana ubat lain termasuk ubat tanpa preskripsi. Terutama jika anda sedang mengambil Litium (untuk depressi) , Litium boleh berinteraksi dengan Ipodine dan menjejas fungsi kelenjar tiroid. Oleh itu, Litium dan Ipodine tidak boleh diguna pada masa yang sama.

-Semasa mengandung dan menyusu

Jika anda mensyaki anda mungkin hamil atau anda sedang menyusu, dapatkan nasihat dari doktor atau ahli farmasi sebelum gunakan Ipodine.

Ipodine mungkin menyerap pada kulit jika Ipodine digunakan di mukosa vagina. Jika Ipodine digunakan sebagai douch, kepekatan iodin dalam kencing wanita hamil , cecair amniotic, darah tali pusat dan tiroid janin. Jika Ipodin digunakan secara topikal sebelum bersalin, bayi mungkin menyebabkan hipotiroidism sementara.

Iodin dapat dikesan dalam susu ibu selepas guna povidon iodin secara topikal. Maka, jangan guna berlebihan povidon- iodin semasa hamil atau menyusu. Hanya gunakan povidon-iodin jika perlu sahaja.

Bagaimana menggunakan Ipodine

-Berapa banyak patut digunakan

- Bersihkan kawasan yang berkenaan, kemudian sapukan sedikit Ipodine kepada kawasan tersebut 1-3 kali sehari. Kawasan yang disapu boleh ditutup dengan pembalut dan pastikan ia kering.
- Jika kerengsaan berlaku, kawasan yang sudah disapu Ipodine tidak boleh dibalut.

-Bila patut guna Ipodine

- Ipodine patut disapu 1-3 kali sehari pada kawasan yang berkenaan selepas dicuci.

-Berapa lama patut digunakan

- Jangan guna Ipodine berterusan melebihi satu minggu kecuali diarahkan oleh doktor.

-Jika sudah lupa guna Ipodine

- Guna Ipodine bila perlu.

-Jika terlebih guna

- Jika anda tak sengaja tertelan Ipodine, anda patut menghubungi doktor anda atau pergi hospital paling dekat anda.

Bagaimana merawat jika terlebih guna: Bergantung pada cara pendedahan.

- Jika berlaku terlebih guna melalui penyedutan, jauhkan mangsa dari punca.
- Jika terlebih guna melalui kulit atau termasuk mata, tanggalkan pakaian yang tercemar dan menyiram kulit terdedah dengan air. Bilas mata yang terdedah dengan air biasa atau air garam untuk 15 minit.
- Jika tertelan, jangan mendorong muntah kerana iodin adalah mengkakis. Biar mangsa menelan makanan berkanji seperti ubi kentang, tepung gandum atau tepung jagung ataupun susu supaya mengurangkan kerengsaan usus dan perut. Arang aktif boleh digunakan untuk merangkap iodin tetapi kesannya tidak pasti.

Semasa menggunkan Ipodine

-Perkara yang perlu dilakukan

- Dapatkan bantuan perubatan kecemasan jika anda mengalami kesan-kesan alahan kepada Ipodine seperti tindakbalas hipersensitiviti, kerengsaan pada kulit dan membran mucus, anafilaksis atau dermatitis.
- Berhenti guna Ipodine jika keadaan berterusan atau bertambah teruk atau kerengsaan atau kemerahan perterusan untuk lebih dari 72 jam.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan guna Ipodine untuk mata atau untuk kawasan yang lebar.
- Jangan guna Ipodine berterusan untuk lebih dari 1 minggu kecuali diarahkan oleh doktor. Pendedahan yang berpanjangan boleh mengakibatkan kerengsaan dan kadang-kala tindak balas kulit yang teruk.
- Jangan panaskan Ipodine sebelum guna.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ipodine untuk kegunaan luar sahaja
- Jauhi dari kanak-kanak

Kesan-kesan sampingan

Ipodine boleh menyebabkan tindak balas hipersensitif dan kerengsaan kulit dan membran mukus. Jika Ipodine digunakan pada kulit yang terbakar atau kawasan lebar disapu, kesan sistemik yang buruk seperti asidosis metabolik, hypernatremia dan kerosakan fungsi buah ginjal. Jika jumlah besar iodine terserap atau tertelan, hipertiroid atau hipotiroid mungkin berlaku. Pendedahan berpanjangan iodin mungkin menyebabkan kerengsaan atau kadang-kala tindak balas kulit yang teruk.

Cara penyimpanan dan pelupusan Ipodine

Simpan Ipodine di bawah 30°C dan jauhi dari kawasan panas dan bercahaya.
Juahi dari kanak-kanak

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk
Ipodine merupakan cecair telus berwarna coklat kemerahan yang berbau iodin

-Bahan Kandungan

Bahan Aktif:

Povidon Iodine 10% w/v

Kandungan Tambahan:

- Nonoxynol-9
- Sodium Hydroxide
- Glycerin
- Citric Acid Anhydrous
- Disodium Hydrogen Phosphate
- Air Suling

Nombor MAL:

MAL17107098XZ

Pengilang

THE GOVERNMENT PHARMACEUTICAL ORGANIZATION
75/1 Rama VI Road,
Ratchathewi, Bangkok,
Thailand.

Pemegang Kuasa Pemasaran

NGL Trading Sdn Bhd
4-1-5 Kompleks Kantonmen Prima, Batu 4 1/2 , Off Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.

Tarikh Kemaskini:

9.12.2025

Nombor Siri:

NPRA (R2/2)210310/637